

02/05/2001

## Dilema anak Perdana Menteri

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Mokhzani Mahathir, 40, (gambar atas) yang mengumumkan pengunduran diri dari dunia korporat baru-baru ini berkata, sebagai anak Perdana Menteri, beliau dan adik beradiknya sentiasa dalam dilema kerana tidak mengetahui apa yang orang ramai mahu mereka lakukan.

"Apa yang orang ramai ingin lihat saya lakukan? Jika berniaga, tak boleh. Kerja dengan kerajaan pula isu nepotisme tidak akan terlepas.

"Jadi, anak Perdana Menteri hanya perlu duduk di rumah dan bergantung pada ayahnya. Jadi insan yang tidak bergunalah. Saya tidak mahu jadi begitu dan sentiasa membebankan orang tua saya.

"Saya ingin berdikari, mendirikan rumah tangga, berniaga dan memberi peluang pekerjaan kepada orang lain," katanya dalam satu pertemuan dengan Berita Harian, di sini hari ini.

Mokhzani yang sebelum ini Ketua Eksekutif Pantai Holdings Bhd dan Tongkah Holdings Bhd mengumumkan keluar dari dunia korporat Khamis lalu. Beliau memiliki 12.6 peratus kepentingan langsung dalam Tongkah Holdings dan 32.9 peratus dalam Pantai Holdings.

Keputusan itu dibuat kerana beliau kecewa dengan tohmahan pihak tidak bertanggungjawab yang memburukkan nama beliau serta bapanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mokhzani berkata, soalan hipotetikal mengenai apa yang orang ramai mahu mereka lakukan itu pernah ditanya Dr Mahathir sendiri kepadanya.

Katanya, orang ramai jangan salah sangka dengan langkah pengundurannya daripada dunia korporat itu kerana beliau tidak mempunyai agenda tersembunyi.

"Saya minta budaya tidak senang melihat orang lain berjaya dihindarkan oleh orang Melayu kerana ia akan merugikan bangsa kita sendiri. Orang yang berjaya, Insya-Allah boleh menghulurkan bantuan kepada orang lain.

"Orang yang tidak berjaya akan membebankan bangsa dan negara kita. Kalau kita boleh lahirkan lebih ramai orang yang berjaya, insyaAllah negara ini akan dapat membangun dengan lebih pesat lagi," katanya.

Beliau berkata, ada pihak mempunyai perasaan hasad dengki dan tidak boleh melihat orang lain senang, termasuk menuduhnya berjaya dalam perniagaan kerana beranggapan beliau mendapat projek atau kontrak daripada kerajaan.

"Ayah saya sudah jadi Perdana Menteri selama 21 tahun. Ketika saya memulakan perniagaan, beliau sudah pun menjadi Perdana Menteri. Jika saya percaya segalanya akan datang melimpah dari langit iaitu dari Pejabat Perdana Menteri dengan menelefon saja, buat apa saya belajar sehingga dapat ijazah?

"Mengapa perlu saya bekerja dengan Shell? Ini semua tidak perlu jika saya percaya begitu. Kita berusaha dengan cara sendiri. Tetapi minta maaf, budaya Melayu suka sangat melihat keburukan dan bukan kebaikan.

"Mereka yang memperoleh kesenangan dan keselesaan daripada apa yang saya capai selama ini semuanya duduk senyap," katanya yang mengakui kebenaran kenyataan bapanya mengenai mereka yang sudah mendapat kontrak kerajaan.

"Ayah saya selalu cakap iaitu jika 10 orang minta kontrak, hanya seorang saja yang dapat. Sembilan yang lain akan maki kerajaan. Yang dapat itu diam saja. Perkara sama sudah berlaku pada saya," katanya.

Mokhzani berkata, walaupun sudah berundur dari dunia korporat, beliau masih banyak tugas untuk dilakukan, termasuk merencanakan masa depannya dalam perniagaan dan politik.

( END )